

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' NGEH KOO HAM**  
**[ BERUAS ]**

**TARIKH** : **25 OKTOBER 2017**

**SOALAN** : **Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan terkini rundingan dua hala antara Malaysia dan Indonesia berkenaan penentuan sempadan maritim kawasan Selat Melaka berikutan pertemuan Majlis Bersama untuk Kerjasama Bilateral (JCBC) pada bulan Ogos 2017 di Jakarta. Apakah langkah-langkah interim yang diambil oleh Kerajaan untuk melindungi hak dan keselamatan para nelayan Malaysia yang beroperasi di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di "kawasan bertindih" diantara Malaysia dan Indonesia

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Beruas atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Saya ingin memaklumkan bahawa dalam membincangkan persempadanan maritim, Malaysia dan Indonesia perlu memastikan perbincangan adalah berlandaskan kepada undang-undang antarabangsa dan *jurisprudence*. Dalam masa yang sama, perjanjian sedia ada di antara kedua-dua negara mestilah turut diambilkira dan dihormati.

3. Jawatankuasa Teknikal Bagi Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia telah diwujudkan pada Mac 2005 bagi merundingkan pembatasan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia. Mesyuarat pertama telah berlangsung pada Mac 2005 dan sehingga kini 31 mesyuarat telah diadakan dan yang terakhir telah berlangsung pada 25 – 26 Januari 2017 di Jakarta.

4. Di samping itu, saya ingin memaklumkan bahawa Mekanisme Utusan Khas merupakan pendekatan baru dalam usaha menyelesaikan isu tuntutan bertindih kawasan perairan maritim Malaysia-Indonesia di Laut Sulawesi dan diadakan secara *exploratory talk*. Mesyuarat Utusan Khas Ketujuh telah diadakan pada 11 Oktober 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus dalam melindungi hak dan keselamatan para nelayan Malaysia yang beroperasi di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di "kawasan bertindih" diantara Malaysia dan Indonesia. Tindakan-tindakan yang sewajarnya, termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan, sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.